

Temu bual bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil sempena sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU)

Membela hak, kesamarataan OKU

Masyarakat perlu hargai, iktiraf kebolehan dimiliki golongan tidak upaya: Shahrizat

Oleh Jami'ah Shukri

3 Disember diisytiharkan sebagai Hari Orang Kurang Upaya (OKU) peringkat antarabangsa. Bagaimana Datuk Seri melihat keprihatinan dan pembangunan secara menyeluruh terhadap golongan itu sejajar dengan 50 tahun kemerdekaan negara.

Selama ini tumpuan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah terhadap kebajikan golongan OKU. Sudah menjadi tanggungjawab kementerian membawa OKU ke arah era baru yang mana kita akan menggalakkan golongan itu menjadi lebih bebas, upayakan mereka, mencungkil bakat yang ada serta memberi peluang seluasnya untuk berjaya dalam semua aspek.

Sekarang dapat lihat ramai OKU mempunyai bakat tersembunyi, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menuju matlamat sama. Kita berharap dengan Akta OKU ia dapat memberikan peluang lebih luas ke arah pembangunan OKU. Jika dilihat dari segi pendidikan, ramai OKU sudah menempa kejayaan dalam bidang masing-masing.

Bagi menambah baik dan meningkatkan sistem penyampaiannya, perkhidmatan kebajikan masyarakat kepada kumpulan sasaran itu, JKJ akan melaksanakan evolusi dalam bidang kebajikan termasuk merombak, memantap dan memperhebatkan sistem kebajikan supaya lebih relevan.

Kita memerlukan pembaharuan secara menyeluruh dalam pelaksanaan dasar dan sistem kebajikan secara bersepadu termasuk menggubal Dasar OKU, Pelan Tindakan OKU dan menggubal Rang Undang-Undang OKU yang akan dibentangkan di Parlimen, 10 Disember ini sebelum diluluskan se-

Adakah akta itu akan memberi peluang pekerjaan lebih luas kepada OKU

Saya berharap dengan akta itu ia membuka peluang lebih luas kepada OKU dalam bidang pekerjaan, selain mendapat kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam, pengangkutan awam, pendidikan, maklumat, teknologi dan kesihatan. Ini akan memberi perlindungan sepanjang hayat dan sistem sokongan sosial kepada mereka.

Kita sudah keluarkan surat pekeliling kepada semua kementerian dan jabatan berkaitan OKU. Oleh itu, kita mahu semua pihak menyokong dan membantu kita menangani isu OKU.

Berdasarkan laporan bagaimana penerimaan sektor awam dan swasta terhadap golongan itu dari segi peratusan peluang pekerjaan.

Mengikut Pekeliling Pematuhan Dalam Sektor Awam Bilangan 10 (1988), menetapkan satu peratus peluang pekerjaan diberikan kepada OKU. Namun peratusan itu belum dipenuhi lagi dan masih ada masalah. Oleh itu kita akan pastikan jumlah itu dipenuhi sebelum bertindak meningkatkan peratusan sedia ada.

Mengikut perangkaan Jabatan Tenaga Kerja sehingga September 2006, pekerja OKU yang diterima bekerja di sektor awam itu ialah 325 membabitkan mereka yang cacat penglihatan, anggota dan pekak di pelbagai kumpulan pekerjaan termasuk profesional dan kumpulan sokongan, manakala di sektor swasta 6,691. Daripada 10 permohonan di kalangan OKU tiga daripada mereka boleh bekerja.

Saya mahu pastikan masyarakat mengubah minda mereka yang beranggapan go-

longan itu tidak produktif dan negatif.

Setakat ini, berapa ramai OKU berdaftar di negara ini. Bagaimanakah kesedaran ibu bapa dan penjaga untuk mendaftarkan anak mereka.

Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dianggarkan 10 peratus daripada penduduk setiap negara adalah OKU. Malaysia dianggarkan mempunyai 2.6 juta OKU. Bagaimanapun, jumlah OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga akhir 2006 ialah 197,519 orang. Daripada jumlah itu, seramai 197,519 berdaftar dengan JKJ, iaitu 66,250 cacat anggota; penglihatan (18,258); pendengaran (29,522); masalah pembelajaran (76,619) dan lain-lain (5,983)

Berdasarkan pemerhatian, kebanyakan keluarga yang memerlukan bantuan akan mendaftarkan anak mereka di JKJ berbanding keluarga yang berpendapatan tinggi dan stabil jarang untuk mendaftarkan anak mereka kerana tiada keperluan.

Malaysia sedang menuju negara maju. Bagaimanapun infrastruktur dan kemudahan awam kepada OKU masih rendah. Mengapa begitu.

Tahap kesedaran dalam aspek itu masih tidak memuaskan. Negara kita hebat dalam bidang lain tetapi dalam bidang pembangunan masyarakat masih teruk. Dalam Akta OKU, penekanan terhadap pembangunan kualiti hidup dan kesejahteraan OKU diberi keutamaan. Kita juga mahu memastikan kemudahan infrastruktur di bangunan, pengangkutan awam dan kemudahan awam dipertingkatkan. Ia juga boleh digunakan kepada warga emas.

Yang dilihat sekarang, walaupun sudah ada undang-undang terhadap penyediaan prasarana bagi OKU mereka tidak kuat

kuasa dengan baik dan diletakkan begitu saja, tetapi pemilik bangunan gagal menepati syarat.

Seharusnya pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu lebih prihatin dan peka terhadap perkara ini. Sebelum meluluskan sesuatu pelan pembangunan perlu lihat spesifikasi terhadap golongan OKU ditepati atau sebaliknya. Saya ingin mengingatkan kepada semua orang, apa-apa boleh berlaku sepanjang perjalanan hidup kita. Saya sudah lihat ramai orang yang kuat dan sihat, tetapi akhirnya menjadi OKU kerana kejadian tertentu seperti kemalangan. Pada ketika ini, mereka baru sedar bagaimana keadaan dan perasaan OKU.

Pada masa kini apakah insentif yang disediakan kepada golongan berkenaan.

Kesungguhan kementerian untuk membela golongan OKU jelas apabila dalam pembentangan Bajet 2008, kerajaan mewujudkan kategori baru dari segi bantuan untuk pesakit kronik dan terlantar yang kebanyakan adalah kalangan OKU iaitu sebanyak RM300. Malah, ibu bapa yang mempunyai anak OKU diberi kelengkapan menjaga anak mereka yang sakit selepas mendapat persetujuan daripada majikan mereka.

Di bawah RMK-9, kerajaan memperuntukkan RM89 juta bagi program pembangunan OKU. Kita juga mahu meningkatkan sistem latihan kepada guru yang di tempatkan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), termasuk keberkesanan penjagaan mengikut jenis kecacatan, selain mendedahkan mereka kepada pelbagai teknologi.

Tema Bersama Membangun Modal Insan OKU. Apa signifikansi dengan senario sekarang.

bagai Akta OKU. Malah, kita juga mengemukakan cadangan untuk melantik Senator OKU di Dewan Negara.

? Sejauh mana Akta OKU mampu merealisasikan objektif ke arah mewujudkan OKU yang berketerampilan.

Menerusi pembentangan Rang Undang-Undang OKU, ia membolehkan Akta OKU dilaksanakan selepas diluluskan Parlimen. Objektif utamanya adalah mengiktiraf ketidakupayaan OKU sebahagiannya disebabkan halangan sikap dan persekitaran dan sekali gus meniadakan kesamarataan dengan orang yang upaya.

Mengikut Akta OKU, memperuntukkan sebuah jabatan dan Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang berfungsi antara lain melaksanakan dasar dan pelan tindakan negara terhadap OKU, mengesyorkan perubahan pada undang-undang yang mampu menjamin penyertaan penuh dan pembabitian mereka dalam masyarakat, di sektor kerajaan dan swasta.

“ Negara kita hebat dalam bidang lain, tetapi dalam bidang pembangunan masyarakat masih teruk. Dalam Akta OKU, penekanan terhadap kualiti hidup OKU diberi keutamaan”

Shahrizat Abdul Jalil
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



...prasarana bagi OKU mereka tidak kuat
...tisan OKU. Apa signifikan dengan
senario sekarang.

Tema itu adalah satu kesinambungan kepada matlamat mewujudkan penyamaan peluang dan penyertaan penuh OKU di dalam masyarakat. Tema ini juga merujuk kepada agenda utama program pembangunan negara seperti yang ditekankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang memberi fokus kepada usaha membentuk individu berketrampilan dan berkualiti.

Kita sebagai satu masyarakat dan satu negara mesti mengubah sikap dan minda terhadap OKU. Selepas sekian lama, ramai yang masih berperasaan negatif, tidak ambil peduli serta meminggirkan mereka daripada kehidupan seharian. Bila sudah ada keluarga mereka menjadi OKU baru memahami dan menginsafi.

Dalam perjuangan kita mencapai negara maju, antara komponen penting ialah tidak meminggirkan golongan OKU. Tidak guna mencatat kejayaan cemerlang dalam pelbagai bidang tetapi tidak menjaga kebajikan golongan itu.